

# LAPORAN KAJIAN LAPANGAN DI PULAU BORNEO: DIALEK MELAYU SEKADAU

*Chong Shin*

## *Abstrak*

Makalah ini membincangkan salah satu hasil kajian yang dibiayai oleh Southeast Asian Studies Regional Exchange Program (SEASREP) di Pulau Borneo, yakni kajian tentang dialek Melayu Sekadau sebagai *lingua franca* di hilir Sungai Sekadau, sebuah kawasan yang berlokasi kira-kira 300 km di hulu Kuala Sungai Kapuas di Pontianak, Kalimantan Barat. Dialek ini dibincangkan daripada dua aspek, iaitu ciri sosiolinguistik dan ciri linguistik. Dari sudut sosiolinguistik, dialek ini merupakan bahasa ibunda bagi penduduk Melayu tempatan, bahasa ibunda dan bahasa kedua bagi suku imigran (minoriti), bahasa interaksi utama bagi penduduk yang multilingual; dan bahasa pilihan dengan tujuan pragmatik tertentu. Sepintas lalu, kebanyakan kosa kata dialek Melayu Sekadau<sup>1</sup> mirip dengan dialek-dialek Melayu Borneo Barat lainnya, misalnya di Kapuas Hulu, Sungai Melawi, Sungai Saribas dan Sungai Sarawak. Antara ciri fonologi yang dimiliki bersama ialah kontras fonemik antara /k/ dengan /ʔ/, penambahan hentian /ʔ/ pada posisi akhir kata pada sesetengah kata; dua kesepadanan /h/, iaitu h:h dan h:ʔ dan palatalisasi nasal velar selepas bunyi vokal tinggi [i].

## *Abstract*

*This article discusses one of the results of the research funded by Southeast Asian Studies Regional Exchange Program (SEASREP) in Borneo, namely the Sekadau Malay dialect, the lingua franca in the downriver areas of the Sekadau River, an area located about 300*


---

1 Makalah ini diolah semula daripada makalah (Chong, 2003a) "*Dialek Melayu Sekadau: Ciri dan Fungsi*" yang telah dibentangkan di "Bengkel Dialek Melayu dan Dialektologi, Bahagian 3: Pulau Borneo, Sulawesi dan Indonesia Timur", anjuran Institut Alam dan Tamadun Melayu, Universiti Kebangsaan Malaysia. 4-7 Ogos 2003.

*kilometre upriver from the coast near Pontianak, Kalimantan Barat. This dialect is discussed from two perspectives, namely the sociolinguistic and linguistic aspects. From the sociolinguistic aspect, this dialect functions as the first language of the native Malay speakers, the first and second language of the minority migrant groups, the medium of interaction in multiethnic settings in this multilingual society, and the language that serves as the default language for certain pragmatic purposes. In general, many words of the Sekadau Malay dialect are similar to other western Borneo Malay dialects, such as those of Kapuas Hulu, Melawi, Saribas and Sarawak. Phonologically, the Sekadau variant displays phonemic contrast between /k/ and /ʔ/, a final glottal stop added to certain words, /h/ corresponding to both /h/ and /ʔ/, and the palatalization of the velar nasal after the high vowel, [i].*

**PENDAHULUAN**

Di seluruh Pulau Borneo, tersebar sembilan dialek Melayu yang utama, iaitu dialek Brunei, dialek Berau, dialek Kutai, dialek Banjar, dialek Bukit, dialek Kotawaringin, dialek Pontianak, dialek Sambas dan dialek Sarawak (Collins, 1991:689). Secara terperinci, Collins (1992:18) mengklasifikasikan dialek-dialek tersebut seperti Rajah 1 di bawah:



**Rajah 1** Salasilah Bahasa Melayu Purba.

(Collins, 1992:18)

Dalam Rajah 1, status beberapa dialek Melayu di Pulau Borneo, iaitu dialek Pontianak, dialek Kotawaringin, dialek Sarawak dan dialek Kutai tidak digambarkan (Collins, 1992:18) atas sebab maklumat linguistik tidak cukup dan lengkap. Kini, penelitian di Pulau Borneo sudah cukup banyak diusahakan, misalnya kajian Collins (1987, 2000); Chong (2002, 2003b); Fatimah (1986); Mohammed Azlan Mis (1997);<sup>2</sup> Yusriadi (1998); Dedy (2000); dan Firman (2001).


Jika ditinjau, varian Melayu yang tersebar di lembah Sungai Sarawak (Collins, 1987), Saribas (Collins, 2000); Chong, (2002a dan 2003b) dan Kalimantan Barat (Kalbar) (Yusriadi, 1998; Firman, 2001) memperlihatkan jaringan dan banyak persamaan dari segi kosa kata. Ini ditampilkan dalam Rajah 2:

	Sintang, Kalbar (Firman, 2001)	Riam Panjang, Kalbar (Yusriadi, 1998)	Serabang, Sg. Saribas (Chong, 2003)	Tabuan, Sg. Sarawak (Collins, 1987)	Sekadau, Kalbar <sup>3</sup>
Ayam	manok	manuk	manok	manok <sup>d</sup>	manok
Anjing	asu?	asu?	asu?	asu?	asu?
Kiri	kibɔ?	kiba?	kibe?	kire?	kiba?
Sebiji	suti?/sigi?	---	sigia	---	sigi?
Seekor	siku?	siku?	sikua	---	siku <sup>w</sup> ?
Lutut	pələtut	---	paia? tu:t	---	lutut
Mata kaki	buku? laliy	---	buku? laliy	---	buku? laliy
Mereka	sido?	sida?	sida?	sida?	sida?
Kami	kami?	kami	kame?	kame?	kami?
Suami	laki	laki	laki <sup>y</sup>	laki	laki <sup>y</sup>
Isteri	bini	bini	bini <sup>y</sup>	binə <sup>y</sup>	bini <sup>y</sup>
Ini	tu?	itu?	tu?	tu?	tu?
Itu	yɔ?	iya?	yo:	y <sup>^</sup>	ya?

**Rajah 2** Perbandingan Kosa Kata Dialek-dialek Melayu di Pulau Borneo.

- 2 Dialek Melayu Saribas yang dituturkan di lembah Sungai Saribas (lihat Lampiran 1) seperti yang dikaji oleh Collins (2000), Chong (2002a, 2003b) dan Mohamed Azlan Miz (1997) menduduki varian yang tersendiri dan berbeza daripada varian Melayu Kuching (lihat Collins, 1987).
- 3 Pada tahun 1996, J. Collins (lihat Chong, Collins dan Yusriadi, 2001) pernah mengumpul daftar kata Melayu Sekadau (Sungai Ringin). Untuk menjamin ketekalan pencatatan lambang fonetik dan kaedah pengambilan data bahasa, penulis hanya menggunakan daftar kata yang dipungut di Desa Munggu pada 8 Jun 2003. Walau bagaimanapun, data J. Collins tetap dirujuk.

Rajah 2 memaparkan dialek-dialek Melayu ini memiliki hubungan linguistik yang erat dengan varian yang disebutkan sebagai “dialek Sarawak” dalam Collins (1991). Dengan itu, dialek-dialek dalam jaringan ini seharusnya dikelompokkan sebagai **varian Melayu Borneo Barat**, yang memperlihatkan varian tersendiri dan berbeza daripada dialek Brunei (Jalaluddin, 2000), dialek Pontianak (Collins, 2002), dialek *Sambas Mustapa Kamal dkk.* (1984), dialek *Kutai* (Collins, 1991) dan dialek Banjar (*Durdje Durasid dan Djantera Kawi*, 1978).<sup>4</sup> Sehubungan itu, Collins (1998: 551) telah memperlempak kedudukan dialek-dialek Melayu ini seperti dalam Rajah 3:



**Rajah 3** Cabang Dialek Melayu Borneo Barat (Diubahsuai daripada Collins, 1998: 551).


<sup>4</sup> Rujukan dalam huruf condong bersumberkan daripada Collins (1990).

Kunjungan J. Collins kira-kira lapan tahun yang lalu ke pekan Sekadau telah mengenal pasti bahawa dialek Melayu Sekadau<sup>5</sup> berfungsi sebagai bahasa pengantar, bahasa ibunda dan bahasa kedua, oleh kira-kira 41 268 orang penduduk yang multi-etnik (Kecamatan<sup>6</sup> Sekadau Hilir Dalam Angka Tahun 1996, 1996: 15).<sup>7</sup> Dalam erti kata lain, selain dialek-dialek Melayu di Kapuas Hulu (Yusriadi, 1998), Melawi (Firman, 201) dan Sanggau (Dedy, 2000), dialek Melayu Sekadau merupakan salah satu varian Melayu Borneo Barat yang sebagai *lingua franca* di bahagian hulu lembangan Sungai Kapuas. Dalam makalah ringkas ini, diuraikan fungsi dan ciri linguistik dialek Melayu Sekadau dalam dua bahagian iaitu: Bahagian I - Dialek Melayu Sekadau dalam konteks sosial; dan, Bahagian II - Ciri linguistik dialek Melayu Sekadau.

### Bahagian I: Dialek Melayu Sekadau dalam Konteks Sosial

Berdasarkan statistik Kecamatan Sekadau Hilir dalam angka tahun 1996, jumlah penduduk di Sekadau hilir sebanyak 41 368 orang. Dari segi komposisi etnik, masyarakat Melayu merupakan penduduk majoriti di Sekadau Hilir dengan peratusan kira-kira 49.84 peratus. Ini diikuti oleh 34.45 peratus suku Dayak, 15.71 peratus suku Cina dan kira-kira satu peratus etnik lain. Di bahagian hilir Sungai Sekadau, khususnya di sekitar pekan Sekadau,<sup>8</sup> dialek

- 
- 5 Sungai Sekadau terletak kira-kira 300 km dari ibu kota Provinsi Kalimantan Barat, Pontianak (lihat Lampiran 1 dan Lampiran 2).
  - 6 Wilayah pentadbiran pemerintahan di Indonesia yang setara dengan "Daerah" di Malaysia.
  - 7 Susulan itu, pada tahun 2000, sebuah kumpulan penelitian *Southeast Asian Studies Regional Exchange Program*, SEASREP telah dibentuk di bawah kelolaan Institut Alam dan Tamadun Melayu, Universiti Kebangsaan Malaysia dengan kerjasama Universitas Tanjungpura, Pontianak (Indonesia). Anggota kumpulan ini terdiri daripada Yusriadi, Adi Kifli, Derensius Barai, penulis sendiri dan diketuai oleh J. Collins. Melalui projek ini, kajian bahasa di Kalbar diusahakan secara tuntas oleh kumpulan berkenaan, terutamanya di Lembah Sekadau. Sesungguhnya, kumpulan ini merupakan satu-satunya regu penelitian yang terlatih dan sepadu dalam sejarah penyelidikan bahasa di Malaysia dan Indonesia. Pada tahun berikutnya (2001), Australia Research Council (ARC) telah menyumbangkan dana kepada kumpulan ini untuk mempergiatkan lagi usaha pengkajian bahasa di Kalbar. Berkat dari itu, wilayah penelitian bahasa telah diperluaskan ke sungai-sungai lain, misalnya Sungai Kedukul, Sungai Biang, Sungai Meliau, Sungai Kualan dan sebagainya. Secara peribadi, penulis ingin merakamkan ucapan terima kasih kepada para penduduk di Kalbar yang telah memberi kerjasama dan pertolongan sepanjang penelitian lapangan dijalankan. Di sini, ucapan ribuan terima kasih turut dirakamkan kepada Saudara Jwiwardi (18 tahun) dan Ronald (18 tahun) yang membekalkan data bahasa kepada penulisan makalah ini.
  - 8 Pekan Sekadau di Sekadau Hilir merupakan sebuah pekan berstatus penting (lihat Lampiran 3) di seluruh Kecamatan Sekadau. Peletakan geografi pekan ini ialah: di persimpangan Sungai Sekadau dengan Sungai Kapuas; terletak di titik pertemuan tiga jalur pengangkutan



Carta 1: Peratusan Golongan Etnik di Sekadau Hilir.

(Chong, 2002b:53)

Melayu Sekadau dikenal pasti merupakan bahasa dominan. Dalam hubungan harian, dialek Melayu Sekadau rancak digunakan, baik interaksi interetnik mahupun intraetnik (Chong, 2003c). Dalam konteks sosiolinguistik, dialek ini berfungsi sebagai bahasa ibunda oleh penduduk Melayu yang kebanyakan tersebar di Desa Sungai Ringin, Munggu, dan Tanjung (lihat Lampiran 3).

Menurut J. B. Pride, (1983:52), "*a bilingual or multilingual speaker may attain native (or close to native) competence in more than one language...*". Selain berbahasa ibunda masing-masing, para penduduk bukan Melayu (misalnya suku Dayak, Cina, Batak, Jawa, dan Padang) rata-ratanya berkemampuan dalam berbahasa Melayu Sekadau. Menariknya, penduduk yang tinggal jauh di hulu Sungai Sekadau, walaupun kurang pendedahan terhadap dialek ini, dilaporkan memaparkan kadar kompetensi yang tinggi terhadap bahasa ini. Antara faktornya ialah terdapat beberapa varian Melayu yang mirip dengan dialek ini daripada bahasa Indonesia, misalnya

---

darat yang utama, iaitu Jalan Sintang, Jalan Rawak dan jalan ke persisiran pantai. Ciri geografis sedemikian menjadikan Sekadau sebuah pusat pertemuan untuk laluan ke kawasan di hulu Sungai Kapuas, hulu Sungai Sekadau dan ke hilir Sungai Kapuas. Pelbagai prasarana melengkapkan pekan Sekadau sebagai pekan yang paling sempurna di keseluruhan kecamatan Sekadau Hilir. Pekan kecil yang merupakan tumpuan pengangkutan darat dan pusat perniagaan ini juga dilengkapi dengan kemudahan penginapan, prasarana pendidikan yang sempurna, kemudahan telekomunikasi dan pejabat pos.

- 9 Di hulu lembah Sungai Kapuas, tersebar dua kelompok penutur yang mengidentifikasi diri mereka sebagai suku Dayak Taman, iaitu:

bahasa Taman<sup>9</sup> dan Bernawas.<sup>10</sup> Salah seorang penutur bahasa Mentuka (varian Bidayuhik) dari Lubuk Tajau (lihat Lampiran 4), menyatakan bahwa “kalau dah tau Taman, dah tau Melayu ga” (Collins, 2002c:17).

Dari sudut sosiolinguistik, dialek Melayu Sekadau kelihatan mempengaruhi aspek kebahasaan golongan minoriti. Dalam Chong (2002b), ditampilkan bahawa pemuda Cina di pekan Sekadau dengan sengaja menyampuk kata-kata Melayu Sekadau dalam wacana ringkas (dalam situasi yang berbahasa Indonesia-Hakka). Hal ini bermakna bahawa, meskipun pemuda tersebut telah menerima sistem pendidikan formal dalam bahasa Indonesia, namun pengetahuan bahasa mereka banyak menerima pengaruh daripada dialek tempatan ini. Selain itu, dalam komuniti Cina Sekadau, terdapat kes dialek Melayu Sekadau diterapkan sebagai bahasa asas untuk pemuda Cina yang tidak berupaya melafazkan intonasi bahasa Hakka kesan daripada masalah dalam alat artikulator. Dengan itu, dialek Melayu Sekadau dipilih sebagai bahasa pertuturan utama, baik komunikasi antara penutur dengan ahli keluarga dan kenalan ataupun sebaliknya.

Dari segi fungsi sosial, bahasa Melayu Sekadau memperlihatkan sebagai instrumen penanda kelas sosial oleh suku Cina. Dalam wawancara, malah dibuktikan melalui pemerhatian, didapati bahawa pemilihan bahasa Melayu Sekadau bergantung pada kelas sosial pihak lawan bicara. Maksudnya, bahasa Melayu dikhususkan pada pihak lawan bicara yang berpendidikan rendah, dan bahasa Indonesia dikhususkan kepada pihak lawan bicara yang berpendidikan tinggi.

Di Sekadau, golongan imigran minoriti lain seperti suku Batak, Jawa dan Padang dilaporkan telah memilih bahasa ibunda kepada dialek Melayu Sekadau setelah berkahwin campur dengan suku Melayu. Salah seorang informan yang berbakakan Batak dan beribukan Melayu, menggunakan dialek Melayu Sekadau sebagai bahasa pertama di rumah. Selain itu, anak-anak

---

(1) “Dayak Taman Sesat” yang tersebar di Lembah Sekadau; dan,

(2) Dayak Taman Kapuas Hulu yang tersebar di sekitar hulu Sungai Kapuas dan beberapa anak sungai di sekitarnya seperti Sungai Leboyan dan Sungai Kanyau (King, 1975 dlm. Collins, 2001:6).

Dari sudut linguistik, varian Taman Sesat mirip dengan bahasa Melayu (Collins 2001:14), sebaliknya varian Taman Kapuas Hulu merupakan kelompok Tamanik. Menurut Hudson (1970:306), terdapat tiga varian Tamanik, iaitu Mbaloh, Taman dan Kalis. Dari segi ciri linguistik, bahasa Taman Kapuas Hulu tidak dapat dianggap sebagai bahasa yang berkerabat dengan cabang Bidayuhik atau Melayik di Pulau Borneo. Lihat juga Adelaar (1994) dan Chong (2002c).

10 Hubungan linguistik antara bahasa Bernawas dengan dialek Melayu Sekadau adalah amat dekat. Menurut informan yang berbahasa Bernawas (Derani, 21 tahun), perbezaan yang ketara antara bahasa Bernawas dengan bahasa Melayu Sekadau ialah bunyi konsonan likuida ‘r’.

daripada keluarga Cina yang berjiran dengan suku Dayak atau suku Melayu kelihatan berbahasa Melayu sebagai bahasa kedua di rumah. Kebanyakan perbualan ibu bapa mereka (yang dalam bahasa Cina) disambut dengan bahasa Melayu Sekadau.

## Bahagian II: Ciri Linguistik Dialek Melayu Sekadau

### Sistem fonem vokal

Menurut Collins (1992: 7), fonologi bahasa Melayu purba hanya mengandungi empat fonem vokal oral, iaitu \*i, \*a, \*u dan \*ə. Sistem vokal yang asimetrik ini berkembang dalam cabang-cabang dialek Melayu yang diturunkan daripada bahasa Melayu purba. Banyak dialek Melayu sekarang memperlihatkan sistem enam vokal dengan tambahan /e/ dan /o/. Dalam dialek Melayu Sekadau, turut dijemakan enam vokal daripada Bahasa Melayu purba, iaitu seperti dalam Rajah 4:

i	ə	u
e	ə	o
	a	

Diftong: -ay, -aw

#### Rajah 4 Bunyi Vokal Dialek Melayu Sekadau.

Perlu juga dinyatakan bahawa varian Melayu Sekadau banyak memperlihatkan kewujudan [ɔ]. Rupa-rupanya, pada suku praakhir, fonem /ə/ wujud sebagai [ɔ], seperti dalam kata [bətis] “betis”, [dɔbu] “debu”, [dɔləʔ] “dulu”. Sedangkan pada suku sebelum praakhir, /ə/ wujud sebagai [ə], misalnya [təŋɔləm] “tenggelam” dan [təŋɔʔɔ] “kerongkong”.

Dalam dialek Hulu Kapuas (lihat Yusriadi, 1998:46), dilaporkan bahawa terdapat tiga diftong, iaitu /ay/, /aw/, dan /uy/. Namun, daripada daftar kata dialek Sekadau yang dipungut, hanya ditemukan dua diftong sahaja, iaitu /ay/, dan /aw/<sup>11</sup>, iaitu:

/ay/	
[ʔaŋkay]	“kering”

11 Berkemungkinan besar dialek Melayu Sekadau juga mempunyai tiga diftong, iaitu /ay/, /aw/ dan /uy/. Memang tidak dinafikan bahawa kosa kata dialek Melayu Sekadau yang dikumpulkan adalah terhad, jadi pengumpulan data yang lebih banyak perlu dilakukan.



[sɔʔay]	“seray”
[pɔʔay]	“petay”
/-aw/	
[limaw]	“limau”
[ikaw]	“kamu”

### Sistem fonem konsonan

Secara umumnya, berdasarkan daftar kata yang diperoleh, dialek Melayu Sekadau memiliki 19 konsonan, iaitu [p, b, t, d, k, g, ʔ<sup>12</sup>, h, ʀ, m, n, ɲ, ŋ, c, j, s, l, w, y] (lihat Lampiran 1).

	Bilabial	Alveolar	Palatal	Velar	Glottis
Hentian	p/b	t/d		k/g	ʔ
Letusan			c/j		
Geseran		s		ʀ	h
Sisian		l			
Sengauan	m	n	ɲ	ŋ	
Separuh vokal	w		y		

Rajah 5 Bunyi Konsonan Dialek Melayu Sekadau.

Secara ringkas, fonem /b, d, g, c, j, ɲ/ hanya wujud pada posisi awal dan tengah kata, manakala /p, t, k, ʔ, h, ʀ, m, n, ŋ, s, l/ wujud pada posisi awal, tengah dan akhir kata fonem /w, y/ pula wujud pada tengah atau akhir kata, (lihat Lampiran 5).

### Ciri Fonologi Dialek Melayu Sekadau

Ciri fonologi dialek Melayu Sekadau, seperti “varian Melayu Borneo Barat” yang lain misalnya yang dikaji oleh Collins (1987, 2000); Chong (2002a, 2003b); Fatimah (1986); Mohammed Azlan Mis (1997); Yusriadi (1998); Dedy (2000); Firman (2001); dan, kebanyakan varian Melayu di Pulau Borneo, /ʔ/ berstatus sebagai fonem tersendiri dan berkontras dengan fonem /k/. Ini boleh ditentukan statusnya berdasarkan pasangan minimum, iaitu:

<b>BMS</b>	<b>Dialek Melayu Sekadau</b>
“kerak (nasi)”	[kɔʔak]

12 Bunyi yang hanya fonemik pada posisi akhir kata.

“kera”	[kəɾāʔ]
“lemak”	[lɔmaʔ]
“lama”	[lamāʔ]

Selain itu, isu penambahan /ʔ/ pada sesetengah kata yang berakhir dengan vokal setakat ini masih tidak dapat diramalkan rumusnya. Menurut Nothofer (1996:14), varian-varian ini merupakan bahasa “subkelompok Borneo Barat”. Berikut ditampilkan beberapa contoh tentang kata yang mengalami penambahan /ʔ/ dan kata yang tetap dengan vokal terbuka:

i. Kata yang dengan penambahan /ʔ/

<b>BMS</b>	<b>Dialek Melayu Sekadau</b>
“kepala”	[palaʔ]
“paya”	[payaʔ]
“sagu”	[saguʔ]
“nangka”	[nāŋkaʔ]
“paku (sayur)”	[pakuʔ]

ii. Kata yang tetap dengan vokal terbuka:

<b>BMS</b>	<b>Dialek Melayu Sekadau</b>
“orang”	[nsia]
“dada”	[dada]
“muka”	[mūka]
“telinga”	[təliŋā]

Kata yang berakhir dengan vokal terbuka, sering kali mengalami diftongisasi bunyi separuh vokal, [w] dan [y], misalnya dalam contoh di bawah:

<b>BMS</b>	<b>Dialek Melayu Sekadau</b>
“siku”	[siku <sup>w</sup> ]
“debu”	[dəbu <sup>w</sup> ]
“bulu”	[bulu <sup>w</sup> ]
“hati”	[atiy]
“gigi”	[gigiy]
“laki”	[lakiy]

“apa”	[apay]
“siapa”	[sɔpay]
“di mana”	[dɔnay]

Dalam dialek Melayu Sekadau, terdapat dua kesepadanan untuk kata yang berakhir dengan /h/, iaitu h:h dan h:ʔ. Wujudnya /ʔ/ pada posisi yang sepadan dengan /h/ dalam dialek Melayu Semenanjung, memperlihatkan hubungan khas antara varian Melayik di Pulau Borneo (Collins, 2000:7).

h : h

<b>BMS</b>	<b>Dialek Melayu Sekadau</b>
“darah”	[daɾah]
“lidah”	[lidah]
“ludah”	[ŋəludah]
“muntah”	[mutah]

h: ʔ

<b>BMS</b>	<b>Dialek Melayu Sekadau</b>
“antah”	[antaʔ]
“mentah”	[mantaʔ]

Dialek-dialek Melayu Sarawak (Kuching) dan Saribas memperlihatkan proses asimilasi bunyi nasal, iaitu dari bunyi nasal velar bersuara /ŋ/ kepada bunyi nasal alveolar bersuara /n/. Contohnya, [kambin] ‘kambing’, [kəɾin] ‘kering’, [guntin] ‘gunting’ dan sebagainya. Maksudnya, bunyi nasal velar bersuara /ŋ/ yang mengikuti bunyi vokal tinggi hadapan sempit hampar [i] akan mengalami perubahan fonologi ini. Dalam dialek Melayu Sekadau, perubahan fonologi yang seumpama turut berlaku. Contohnya:

<b>BMS</b>	<b>Varian Melayu Sekadau</b>
“jering”	[jɔɾin]
“kuning”	[kunin]
“cacing”	[cacin]
“dinding”	[dinin]

## KESIMPULAN

Rangkaian maritim cabang bahasa Borneo Barat jauh tersebar ke Pulau Natuna<sup>13</sup> dan Tioman (lihat Collins, 1985). Di sepanjang hulu alur Kapuas, selain bahasa Melayu Pontianak menduduki varian tersendiri, dianggarkan bahawa kebanyakan dialek Melayu di pedalaman Kalimantan Barat merupakan varian Borneo Barat. Sesungguhnya, banyak yang belum kita ketahui kecuali penelitian lapangan dilakukan. Jadi, tidak hairanlah dialek Melayu Sekadau telah diabaikan selama ini. Faktor utamanya ialah faktor lokasinya yang jauh di pedalaman Kapuas.


Secara ringkas, lingkungan berbahasa Melayu Sekadau amat rancak di bahagian hilir Sungai Sekadau, terutamanya di Pekan Sekadau. Dari sudut sosiolinguistik, dialek ini berfungsi sebagai bahasa ibunda oleh penduduk Melayu tempatan; bahasa ibunda dan bahasa pengantar oleh suku imigran (minoriti); bahasa interaksi utama oleh penduduk multilingual; dan bahasa pilihan dengan tujuan pragmatikal tertentu. Ini amat menarik kerana walaupun dialek Melayu Sekadau berstatus “dialek” di salah satu sudut di lembangan Sungai Kapuas, fungsinya adalah pelbagai dalam situasi tempatan.

Sepintas lalu, dari segi linguistik, kebanyakan kosa kata dialek Melayu Sekadau mirip dengan dialek-dialek Melayu di Hulu Kapuas, Sungai Melawi, Sungai Saribas dan Sungai Sarawak. Antara ciri fonologi yang dimiliki bersama ialah kekontrasan antara /k/ dan /ʔ/; penambahan hentian /ʔ/ pada posisi akhir kata pada sesetengah kata; terdapat dua kesepadanan /h/, iaitu h:h dan h: /ʔ/; dan, palatalisasi nasal velar selepas bunyi vokal tinggi [i].

---


13 Collins, 1998, mengklasifikasikan varian Natuna sebagai salah satu Cabang Borneo Barat.

Lampiran 1 Peta Borneo Barat.




Lampiran 2 Kecamatan Sekadau Hilir.

SKETSA KECAMATAN SEKADAU HILIR



LUAS WILAYAH : 895,1 KM<sup>2</sup>  
JUMLAH DESA : 14  
JUMLAH DESKIN : 54



KEC. SEPAUK  
KAB. DAHI II SINTANG

**KETERANGAN**

- |   |                |   |                    |
|---|----------------|---|--------------------|
| ⊙ | KOTA KECAMATAN | — | Batas Kecamatan    |
| ● | IBU KOTA DESA  | — | Batas Kabupaten    |
| ○ | DUSUN          | — | Jalan Betapak      |
| — | SUNGAI         | — | Jumlah Penduduk LK |
| — | JALAN RAYA     | — | Jumlah PK          |
| — | SUNGUNG        | — | Jumlah Desa        |
| — | BATAS DESA     | — | Jumlah Desa        |







**Lampiran 5** Contoh 50 Kata dalam Dialek Melayu Sekadau.

No.	Bahasa Melayu	Dialek Melayu Sekadau
1.	Tangan	taŋan
2.	Siku	siku <sup>w</sup>
3.	Kuku	silu <sup>w</sup> ?
4.	Jari	jaŋi <sup>y</sup>
5.	Kiri	kiba?
6.	Kanan	kanan
7.	Kaki	kaki <sup>y</sup>
8.	Mata kaki	buku lali?
9.	Tumit	tumit
10.	Lutut	lutut
11.	Betis	bətis
12.	Paha	pa:ʔ
13.	Berjalan	bəjala'n
14.	Lari	bəcica?
15.	Pergi	pəgi <sup>y</sup>
16.	Perahu bertolak	mərau <sup>w</sup>
17.	Datang	datan
18.	Balik kembali	bəbalit
19.	Belok	melok
20.	Berenang	bəŋnan
21.	Mandi	mani <sup>y</sup> ?
22.	Timbul	nimul
23.	Tenggelam	təŋgəla <sup>m</sup>
24.	Kotor	come?
25.	Mencuci baju	bəsəsah
26.	Mencuci muka	mpuŋas
27.	Debu	dəbu <sup>w</sup>
28.	Kulit	kulit
29.	Belakang	bəlakən
30.	Perut	pərut

No.	Bahasa Melayu	Dialek Melayu Sekadau
31.	Pinggang	piŋa <sup>k</sup> ŋ
32.	Pusat	pusat
33.	Kemaluan laki-laki	pɔleɤ
34.	Kemaluan perempuan	puki <sup>ʏ</sup>
35.	Tulang	tulaŋ
36.	Usus	usus
37.	Hati	ati <sup>ʏ</sup>
38.	Jantung	janto <sup>k</sup> ŋ
39.	Hempedu	mpɔdu?
40.	Susu	susu
41.	Bahu	bau <sup>w</sup>
42.	Dada	dada
43.	Rusuk	ɤusɔk
44.	Leher	ɤɔkɔŋ
45.	Kerongkong	təŋɔɤk
46.	Tahu	tau
47.	Berpikir	pikeɤ
48.	Takut	takut
49.	Darah	daɤah
50.	Kepala	pala?

## RUJUKAN

- Adelaar, K.A., 1994. "The Classification of the Tamanic Languages" dlm. Dutton, Tom dan Tryon, Darrell T. (py.). *Language Contact and Change in the Austronesian World*. Berlin: Mouton de Gruyter, hlm: 67.
- Chong Shin, 2002a. "Menelusuri Varian Melayu Sungai Kerian" *Varian Kampung Kupang*. [Diserahkan ke Majalah *Dewan Bahasa*].
- Chong Shin, 2002b. "Sosiolinguistik golongan minoriti di Sekadau", Kalimantan Barat. *Majalah Dewan Bahasa*. Jil. 2(6):52-57.
- Chong Shin, 2002c. "Bahasa Dayak Taman Kapuas Hulu". Manuskrip.
- Chong Shin, 2003a. "Dialek Melayu Sekadau: Fungsi dan Ciri". Kertas kerja yang dibentangkan di "Bengkel Dialek dan Dialektologi Melayu". Anjuran Institut

- Alam dan Tamadun Melayu (ATMA), Universiti Kebangsaan Malaysia. 4–8 Ogos 2002.
- Chong Shin, 2003b. “Research in Saribas Valley: An Interim Report”. Kertas kerja dibentangkan di “First Workshop on Ethnic Minorities in Southeast Asia”. Anjuran SEASREP (Southeast Asian Studies Regional Exchange Program) dengan kerjasama ATMA (Institut Alam dan Tamadun Melayu). 29–30 Mac 2003.
- Chong Shin, 2003c. “Etnolinguistik Minoriti Cina di Pedalaman Kalimantan”: Kajian di Sekadau. Kertas kerja yang dibentangkan di “Seminar Brunei Darussalam-Jepun: Kajian Brunei-Borneo”. Anjuran Universiti Brunei Darussalam dengan tajaan Mitsubishi Corporation. 11–12 Ogos 2003.
- Chong Shin, Collins, James T., dan Yusriadi Ehbong, 2001. *The Sekadau River Valley Preliminary Survey Wordlists (SEASREP Phase 1, Julai 2000–Jun 2001)*. Borneo Homeland Data Paper Series. No. 10. Bangi: Institut Alam dan Tamadun Melayu.
- Collins, James T., 1986. “Fonologi Dialek Melayu Tioman dan Rekonstruksi Bahasa Melayu Induk”. *Jurnal Dewan Bahasa*. 29(5): 369–383.
- Collins, James T., 1990. “Bibliografi Dialek Melayu di Pulau Borneo”. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Collins, James T., 1991. “Rangkaian Dialek Melayu di Pulau Borneo”. *Jurnal Dewan Bahasa*. 35: 687–696.
- Collins, James T., 1992. “Bahasa Melayu di Sungai Mahakam”: Siasatan Fonologi Dialek Kutai. Sari 10. Hlm. 3–24.
- Collins, James T., 1998. “Bahasa Melayu di Kepulauan Natuna”: Tafsiran dan Klasifikasi Awal. *Jurnal Dewan Bahasa*. 42 (6): 539–555.
- Collins, James T., 2000. “Kepelbagaian Dialek Melayu Sarawak”: Tinjauan di Sungai Saribas dan di Sungai Rejang. *Jurnal Dewan Bahasa*. 44(1): 2–17.
- Collins, James T., 2001. “The Malays and Non-Malays of Kalimantan Barat”: Evidence from the study of language. Manuskrip.
- Collins, James T., 2002. “Pedoman Dialek Melayu Nusantara”. Manuskrip.
- Dedy Ari Asfar, 2001. “Morfonomik Bahasa Melayu Dialek Sanggau”. Skripsi Sarjana Pendidikan, Universitas Tanjungpura.
- Durdje Durasad dan Djantera Kawi, 1978. “Bahasa Banjar Hulu”. Jakarta: Pusat Pembinaan dan Pengembangan Bahasa, Departemen Pendidikan dan Kebudayaan.
- Fatimah @ Salamiyah Mahdini, 1986. “Kosa Kata dan Sintaksis Dialek Melayu Sibui”. Latihan ilmiah: Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Firman Susilo, 2001. “Pemakaian Bahasa Melayu di Daerah Aliran Sungai Melawi”. Tesis Pascasarjana: Yogyakarta.
- Hudson A.B., 1970. “A note on Selako: Malayic Dayak and Land Dayak Languages in Western Borneo”. *Sarawak Museum Journal*. Vol. XVIII. Nos. 36–37.
- Jalaludin Chuchu, 2000. “Morphology of Brunei Malay. Bangi”: Penerbit Universiti

Kebangsaan Malaysia.

*Kecamatan Sekadau Hilir dalam Angka Tahun*, 1996. 1996. Sanggau: Mantri Statistik Kecamatan Sekadau Hilir, Kantor Statistik BPS Kabupaten Sanggau.

Mohammed Azlan Mis, 1997. *Inovasi Dialek Melayu Saribas*: Kajian perbandingan. Latihan Ilmiah: Universiti Kebangsaan Malaysia.

Mustapa Kamal dkk., 1984. "Struktur Bahasa Melayu Sambas". Jakarta: Pusat Pembinaan dan Pengembangan Bahasa, Departemen Pendidikan dan Kebudayaan.

Nothofer, Bernd, 1996. "Migrasi Orang Melayu Purba": Kajian Awal. Sari. 14: 33–53.

Pride, J. B., 1983. *Linguistic Competence and Cultural Identity*. dlm. Noss, R.B. (ed.). *Varieties of English in Southeast Asia*. Anthropology Series 11. Singapore: Singapore University Press.

Yusriadi, 1998. "Dialek Melayu Kapuas Hulu". Tesis Sarjana. Universiti Kebangsaan Malaysia.